

25/08/2003

Segmen khas pameran Dr Mahathir jadi PM

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Penyertaan warga Malaysia yang mencipta nama dalam pelbagai bidang di persada dunia pada perarakan Hari Kebangsaan ke-46, adalah bagi menunjukkan kehebatan negara, selain memberi semangat kepada rakyat.

Antara yang akan mengambil bahagian ialah pereka kasut terkenal, Datuk Jimmy Choo; wira samudera, Datuk Azhar Mansor dan Malik Mydin; pendaki Gunung Everest, M Magendran dan pelakon antarabangsa, Datuk Michelle Yeoh.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata ia satu penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinannya yang menaikkan maruah dan martabat bangsa.

"Kita ada satu segmen yang akan ditunjukkan pada perarakan dalam tempoh Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri bermula 1981 hingga 2003 iaitu kejayaan negara dalam pelbagai bidang seperti sukan, perniagaan dan seni.

"Dalam tempoh kepemimpinan beliau, kita terkenal di peringkat global, kita mencapai pelbagai kejayaan bukan setakat di Asia tetapi dunia. Kita sudah terkenal sekarang kerana kejayaan kita," katanya kepada pemberita di Dataran Putrajaya di sini, semalam.

Terdahulu, Abdul Kadir meninjau dan menyaksikan latihan oleh kira-kira 9,000 peserta yang mengambil bahagian dalam pelbagai persembahan seperti koir dan gendang sempena sambutan Hari Kebangsaan, 31 Ogos ini.

Semalam, adalah hari kedua peserta mengadakan latihan itu dan ia akan berterusan sehingga hari sambutan.

Abdul Kadir berkata, beliau berharap sambutan kemerdekaan tahun ini sebagai yang terbaik dan menjadi hadiah kepada Perdana Menteri.

"Sebab itu kejayaan sepanjang Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri akan diberikan tumpuan pada sambutan berkenaan," katanya.

Abdul Kadir turut berpuas hati dengan persiapan persembahan gendang, acara padang dan koir sempena sambutan kali ini.

Setakat ini, katanya, kira-kira 80 peratus persiapan untuk acara padang dan persembahan di Dataran Putrajaya sudah siap.

Sementara itu, kira-kira 400 ahli Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) mengadakan Ekspedisi Berkereta Membawa Jalur Gemilang ke Putrajaya, semalam, bagi memeriahkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan.

Ketibaan ekspedisi yang diketuai Presidennya, Mohamed Hanifa di Jabatan Perdana Menteri disambut Ketua Pemuda Umno Putrajaya, Khairun Aseh dan ahli Umno bahagian itu.

Mereka turut diraikan dengan persembahan dikir barat oleh Kumpulan Tunas Warisan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).